

Laporan
ANUGERAH KUALITI NAIB CANSOLOR
AKNC





اَوَّلُ رِسَالَةٍ تَكُونُ لَوَيْلَى مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

LAPORAN

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

2021

FAKULTI SAINS SUKAN DAN REKREASI JARINGAN INDUSTRI DAN KEUSAHAWANAN

KETUA PTJ :

MOHAD ANIZU BIN MOHD NOR

KETUA UNIT KUALITI :

SITI FADHILAH BINTI ABDUL HAMID

PENYELARAS :

SITI FADHILAH BINTI ABDUL HAMID

PENULIS :

1. MOHD AZFAR SYUKRI BIN YUSIEN
2. NUR ASMIDAR BINTI A HALIM
3. MUSTAKIM BIN HASHIM
4. NORIDAH BINTI ABU BAKAR
5. MOHD HAIDIR BIN MOHD YUSOF
6. MOHD HANIFA BIN SARIMAN
7. HAZIRAH BINTI MOHD

8. SITI SORAYA BINTI MOHD ELIAS
9. SITI ZULAIHA BINTI KHASBULLAH
10. HAJAR ASMIDAR BINTI SAMAT
11. ZARINA BINTI ZAINAL ABIDIN
12. NOOR FATIHAH BINTI ILIAS
13. NOORSALISSA BINTI SAEDAN
14. AZLINA BT ZID
15. MOHD NOORAZLAN BIN AB. AZIZ
16. SITI FADHILAH BINTI ABDUL HAMID

KRITERIA 1 : KEPIMPINAN

1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Kepimpinan yang cekap, berintegriti, dan berpandangan jauh merupakan komponen utama dalam menentukan kecemerlangan pengurusan sesebuah organisasi. Pemimpin yang mempunyai pemikiran yang inovatif dapat memimpin sesebuah organisasi untuk lebih cemerlang melalui program akademik, kerja penyelidikan, jaringan industri, keusahawanan dan khidmat masyarakat berdasarkan nilai dan etika profesional. Kepimpinan dalam suatu jaringan interaktif diantara pemimpin dan warga fakulti akan menaikkan semangat kerjasama dalam melaksanakan tanggungjawab yang telah disediakan. FSR di bawah kepimpinan Dekan, Profesor Dr. Mohad Anizu Bin Mohd Nor dan dibantu oleh tiga Timbalan Dekan yang terdiri daripada Timbalan Dekan HEA, Timbalan Dekan HEP dan Timbalan Dekan ICAN memainkan peranan sebagai wakil kepimpinan kanan FSR. Dengan kekuatan 50 warga kerja akademik dan 28 warga kerja pentadbiran telah meletakkan kesepaduan dan kesepakatan yang tinggi dalam melaksanakan bidang tumpuan **Jaringan Industri dan Keusahawanan**.

Bagi melaksanakan bidang tumpuan, kepimpinan FSR telah membuat satu perancangan yang bersistematik dan teratur dengan mengambil satu pendekatan dengan membentuk Bahagian Hal Ehwal ICAN yang terdiri dari Timbalan Dekan (ICAN), Koordinator Alumni, Koordinator Myra, Koordinator Penyelidikan, dan Penyelaras Office of International Affair. Perancangan sistematik oleh pihak UiTM dalam penubuhan Akademi Pembangunan PKS dan Keusahawanan Malaysia (MASMED) jelas dapat membantu pihak kepimpinan untuk merancang, melaksanakan dan memantau perkembangan dalam bidang keusahawanan melalui akademi ini. Justeru, kepimpinan FSR telah melantik Koordinator MASMED untuk menguruskan dan mengkoordinasi semua aktiviti berteraskan keusahawanan di kalangan pelajar.

Lonjakan 5 PPPM (PT) iaitu Kemampunan Kewangan, menyatakan bahawa IPT di Malaysia perlu berusaha mendapatkan sumber pendapatan tambahan sebagai alternatif untuk menjadi sebuah institusi pendidikan awam yang lebih fleksibel, kukuh, dan mampan dari segi pengurusan kewangan mereka. Dalam masa yang sama ianya memberi peluang yang luas kepada IPT untuk menjalin kerjasama dengan industri demi manfaat bersama. Dari kelangsungan itu, pihak kepimpinan fakulti telah mengambil langkah yang proaktif telah melantik Koordinator *Strategic Business Unit* (SBU) untuk mendokong saranan kementerian seterusnya membantu ekonomi negara terus kukuh dipersada dunia.

Antara pelaksanaan untuk mengukuhkan jaringan industri ialah dengan menandatangani MOU dan MOA dengan universiti luar negara, agensi kerajaan dan agensi swasta. Pada tahun 2020, UiTM telah menandatangani satu kerjasama bersama International College of Management, Sydney dalam membuat pemindahan kredit terhadap kursus-kursus pengajian yang terlibat. Hubungan antara FSR dengan universiti luar negara telah memberi manfaat kepada fakulti dan UiTM. Dengan kepimpinan yang berdaya saing, FSR telah menandatangani memorandum persefahaman (MOU) bersama Majlis Sukan Wilayah Persekutuan dan Kesatuan Rugby Malaysia yang jelas mencerminkan FSR relevan dan memenuhi keperluan dalam industri. Para pensyarah FSR juga menunjukkan kecemerlangan dalam bidang kepakaran masing-masing dengan menyumbangkan kepakaran mereka kepada organisasi luar. Sebagai contoh, berkongsi ilmu dengan agensi kerajaan dan swasta, aktif dalam menganggotai persatuan sukan negeri.

Pemantauan yang berterusan dapat dilihat dengan jelas dari kepimpinan fakulti untuk membuat semakan dan tindakan (PDCA) melalui tadbir urus utama iaitu melalui platform mesyuarat, perbincangan, percambahan fikiran, cadangan, pandangan, kritikan membina dan lain-lain melalui kaedah bersemuka ataupun maya antaranya seperti Mesyuarat Pengurusan Eksekutif (MPE), Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM), Mesyuarat Pengurusan Kanan (MPK), Mesyuarat Pengurusan Tabung Pelajar, dan Mesyuarat Kelab Kakitangan.

Segala maklumbalas yang diperolehi akan dianalisa bagi mendapatkan input dan output bagi setiap program yang dijalankan dan sebarang keputusan yang diperolehi akan diambil tindakan

untuk ditambah baik.

1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Bagi mewujudkan ekosistem keusahawanan yang kondusif dan lestari demi merealisasikan hasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah "Entrepreneurial Nation, kepimpinan FSR telah menerapkan pendekatan dan perancangan yang holistic menjurus kepada pencapaian bidang tumpuan di dalam perancangan strategiknya.

Dalam bidang jaringan industri yang diterajui oleh kepimpinan Timbalan Dekan ICAN yang berperanan dalam membentuk Jaringan Industri, Jaringan Masyarakat, Jaringan Alumni, Penyelidikan dan Penerbitan, dan Student Industry Linkages telah melakukan pendekatan yang sangat efisien dan proaktif. Pelbagai kaedah pendekatan yang telah diterapkan untuk menggerakkan bidang ini seperti:

- a) Meletakkan KPI kepada para pensyarah dalam pekeliling dekan 2020 agar mempunyai sekurang kurangnya 1 geran penyelidikan yang aktif samada sebagai penyelidik utama atau penyelidik bersama (antarabangsa/ kebangsaan/ industri/ dalaman).
- b) Memberi amanat dan taklimat untuk tujuan kolaborasi bersama organisasi luar dan industri
- c) Memberi info dan maklumat mengenai organisasi awam dan swasta yang berpotensi untuk menjalinkan jaringan industri.

Kepimpinan kanan FSR telah mengorak langkah untuk mencapai hasrat di bawah Lonjakan 1, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) atau PPPM(PT) dalam melahirkan Graduan Holistik, bercirikan Keusahawanan dan Seimbang. Kepimpinan kanan telah memainkan peranan yang proaktif dalam merencanakan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia dengan membuat secara bersistematik dan tersusun dengan pelantikan Koordinator MASMED dan Koordinator SBU dalam kalangan para pensyarah usaha untuk mengembangkan bidang tumpuan ini.

SENARAI BUKTI:

1. [PEKELILING DEKAN BIL 4_2020.pdf](#)

1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Bagi memastikan sasaran UiTM untuk menjadi sebuah universiti tersohor, objektif dan inisiatif strategik FSR adalah sejajar dengan Rancangan Malaysia Ke-11 UiTM (2016 – 2020) iaitu berfokuskan kepada teras pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan, Inovasi dan pengkomersialan, akademia, industri dan masyarakat kepimpinan dan keusahawanan. Kepimpinan kanan FSR komited dalam menggalakkan penglibatan warga FSR dalam bidang tumpuan iaitu Jaringan Industri dan keusahawanan. Oleh itu, Kepimpinan Kanan FSR telah mengadakan perancangan yang teliti dan efisien bagi mencapai objektif dan inisiatif strategik yang telah dirancang dalam meningkatkan Jaringan Industri, Jaringan Masyarakat, Jaringan Alumni, Penyelidikan dan Penerbitan, Student Industry Linkages dan keusahawanan.

Kepimpinan Kanan FSR telah mengaplikasikan Rancangan Malaysia ke Sebelas (RMK-11) sebagai model hala tuju strategik dalam penetapan KPI (Key Performance Indicators) sejajar dengan matlamat UiTM. Bagi memperkasakan Jaringan industri dan Keusahawanan, Kepimpinan Kanan telah menetapkan KPI bagi warga akademik FSR untuk menjamin keberhasilan objektif strategik bagi bidang tumpuan ini berdasarkan visi dan misi UiTM. Kepimpinan Kanan telah meletakkan KPI kepada para pensyarah agar mempunyai sekurang-kurangnya 1 geran penyelidikan yang aktif samada sebagai penyelidik utama atau penyelidik bersama (antarabangsa/ kebangsaan/ industri/ dalaman).

Kepimpinan kanan sangat komited dalam menjalinkan hubungan kerjasama di peringkat nasional dan antarabangsa. Antara kerjasama yang dilakukan adalah seperti berikut:

- a) Networking meeting bersama staf Middlesex University London Regional Office Subang Jaya.
- b) Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Cyberlynx International College (CIC)
- c) Memorandum Perjanjian (MoA) bersama International College of Management, Sydney (ICMS), Australia.
- d) Memorandum Persefahaman (MoU) diantara Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi Universiti Teknologi MARA dan Yakult Malaysia Sdn Bhd.
- e) Memorandum Persefahaman (MoU) di antara FSR UiTM dan Westports Malaysia.
- f) Memorandum Persefahaman (MoU) di antara Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi, Universiti Teknologi MARA dan Majlis Sukan Negeri Selangor.
- g) Menerima lawatan rasmi Setiausaha Kehormat Persatuan Bolasepak Angkatan Tentera Malaysia ke FSR.
- h) Menerima pelantikan di kalangan pensyarah sebagai Penulis, Penyemak dan seterusnya instruktur Kursus Pengurusan Sukan Kebangsaan (KPSK) Tahap 1 dari Majlis Sukan Negara (MSN).

Melihat pencapaian ini menunjukkan bahawa kepimpinan kanan FSR sangat komited dan proaktif dalam menjalinkan hubungan kerjasama bersama organisasi awam dan swasta. Dengan Kerjasama ini secara tidak langsung dapat meningkatkan Kebolehpasaran Graduan sejourus menamatkan pengajian di FSR yang memenuhi situasi semasa. Ini juga membuktikan FSR sememangnya berada dalam kelas tersendiri dalam menjalankan peranannya untuk terus kekal relevan dan berperanan dalam organisasi terutama dalam industri sukan.

Sebagai salah satu inisiatif dan strategik untuk mengembangkan bidang usahawan ini, kepimpinan kanan dengan bantuan unit MASMED dan keusahawanan FSR juga telah membuka platform laman facebook kepada semua warga FSR, UiTM, dan Alumni untuk mempromosikan produk dan servis yang boleh dipasarkan atau dihasilkan. Ini menunjukkan bahawa FSR

mampu untuk berdaya saing dalam mengnasikan graduan atau usnawan yang berjaya dalam pelbagai bidang.

SENARAI BUKTI :

1. [MOU CYBERLINK.pdf](#)
2. [MOU MSNS.pdf](#)
3. [MOU WESTPORT.pdf](#)
4. [MOU SYDNEY.pdf](#)
5. [Kursus TOT-22-24 Sept 2020.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pengurusan Kanan FSR sangat menitikberatkan keberkesanan dalam sesuatu usaha yang dijalankan. bagi memastikan setiap perancangan dapat dijayakan, beberapa usaha telah dilaksanakan antaranya:

1) Penubuhan Jawatankuasa Khas Program

Pengurusan Kanan FSR melantik pensyarah untuk mengawal selia kerjasama dan program berjalan dengan baik. sebagai contoh, bagi setiap majlis MoU yang dilangsungkan akan ada satu jawatankuasa yang menggerakkan program tersebut.

2) Kunjung hormat oleh pengurusan Kanan FSR

Bagi memastikan program yang sedang di laksanakan mengikut standard yang telah di tetapkan, akan ada kunjung hormat yang dibuat oleh pengurusan Kanan FSR sendiri.

SENARAI BUKTI:

1. [SURAT LANTIKAN MSN NEGERI SELANGOR.pdf](#)
2. [PJS.pdf](#)

1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Sudah jelas bahawa tahun 2020 akan diingati sebagai permulaan zaman pandemik COVID-19. Ini mengganggu gugat perancangan yang sudah diadakan sebelum itu. Banyak program jaringan industri dan keusahawanan terpaksa di tunda dan ada juga terpaksa dibatalkan ekoran perintah pergerakan kawalan (PKP) yang tidak membenarkan pertemuan secara fizikal dilaksanakan. Pengurusan Kanan FSR bertindak dengan cara mengadakan pendekatan secara maya apabila berlaku keadaan ini. Beberapa inisiatif dapat dilaksanakan antaranya Majlis menandatangani MoU terpaksa diadakan secara maya, program-program bersama dengan industri juga dilaksanakan dengan cara yang sama.

SENARAI BUKTI :

1. [128935444_232164568340532_5820982864509066810_n.pdf](#)
2. [Virtual MoA yang di jalankan FSR bersama International College of Management.pdf](#)

1.4.3 MENGAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Penambahbaikan prestasi semasa sangat dititikbertakan oleh Pengurusan Kanan FSR. Berikut adalah pelan pemantauan yang dibuat bagi jaringan industri dan keusahawanan:

1) Mesyuarat Kajisemula Pengurusan (MKSP)

MKSP berperanan sebagai satu platform pengurusan membincangkan pasca-nilai (post-mortem) program-program yang telah di laksanakan untuk penambahbaikan di masa hadapan.

2) Mesyuarat Pengurusan Kanan (MPK)

Tujuan MPK diwujudkan adalah untuk mendapatkan pandangan dan maklumbalas dari semua Ketua Pusat Pengajian dan Unit berkenaan pengurusan akademik dan pentadbiran terutama dalam bidang Jaringan Industri dan Keusahawanan.

SENARAI BUKTI :

1. [Petikan Minit Pengurusan Tertinggi FSR Membincangkan Berkaitan MoU.pdf](#)

1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Kepemimpinan kanan FSR yang diterajui oleh Dekan telah mengamalkan kepimpinan berdemokrasi yang baik antara Timbalan Dekan HEA, Timbalan Dekan HEP, Timbalan Dekan ICAN, para penarah, pentadbir, dan pelajar. Ini jelas menunjukkan kepimpinan kanan FSR sangat menitik beratkan kesatuan dan perpaduan di kalangan warga FSR dalam meningkatkan produktiviti kerja terutama dalam bidang tumpuan ini. Dalam memastikan bidang tumpuan ini bergerak seiring dengan pelan strategik yang telah ditetapkan, kepimpinan kanan telah melaksanakan komunikasi dua hala yang telus antara pihak pengurusan dan semua staf melalui beberapa siri mesyuarat. Antara mesyuarat yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

a) Mesyuarat Pengurusan Eksekutif (MPE)

Fungsi MPE adalah untuk membuat keputusan bagi perkara Pengurusan Sumber Manusia, Pengurusan Kewangan, Hal Ehwal Akademik, Hal Ehwal Pelajar dan Hal Ehwal Jaringan Industri dan Keusahawanan. MPE dijadualkan bersidang sebulan sekali.

b) Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM)

Jawatankuasa PPSM bertindak sebagai pembuat keputusan dalam hal ehwal staf yang berkaitan perancangan latihan, sasaran tugas, penilaian prestasi staf, penganugerahan, kebajikan peningkatan kerjaya staf dan hal-hal yang berkaitan staf termasuklah yang menjurus kepada Jaringan Industri dan Keusahawanan.

c) Mesyuarat Pengurusan Kanan (MPK)

Tujuan MPK diwujudkan adalah untuk mendapatkan pandangan dan maklumbalas dari semua Ketua Pusat Pengajian dan Unit berkenaan pengurusan akademik dan pentadbiran terutama dalam bidang Jaringan Industri dan Keusahawanan.

d) Mesyuarat Pengurusan Tabung Pelajar (MPTP)

Mesyuarat ini adalah membincangkan dan membuat keputusan bagi semua hal kewangan (*integrity*) untuk aktiviti pelajar yang diantaranya tertumpu kepada bidang *Jaringan Industri dan Keusahawanan*.

e) Mesyuarat Kelab Kakitangan (MKK)

Fakulti telah meluluskan penubuhan Kelab Kakitangan FSR yang bertujuan untuk menjalankan aktiviti kebajikan termasuk Jaringan Industri dan Keusahawanan, sukan, sosial dan lain-lain yang memberi manfaat kepada semua warga kerja FSR.

Sebarang keputusan yang melibatkan bidang tumpuan akan dimaklumkan oleh kepimpinan FSR kepada semua staf melalui sidang mesyuarat, WhatsApp group, notis papan kenyataan, pekeliling FSR, e-mel, memo, intranet dan surat menyurat. Pembiayaan turut diberikan kepada warga FSR dan pelajar untuk menghadiri seminar, persidangan atau membentangkan kertas kerja, menganjurkan aktiviti luar bersama pihak industri, dan menjalankan program usahawan.

SENARAI BUKTI :

KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK

2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Dalam perancangan strategik FSR (2016 - 2020), FSR komited untuk membangunkan modal insan yang profesional, dinamik, berdaya saing, berketerampilan, beretika serta mampu mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang Sains Sukan dan Pengurusan Sukan melalui objektif dan inisiatif perancangan strategik dalam Jaringan Industri dan Keusahawanan.

Dalam menjayakan pelaksanaan objektif strategik dan inisiatif strategik dengan berkesan, FSR telah mengaplikasikan pelan pemantauan berdasarkan model IAOOI (Inputs, Activities, Outputs, Outcomes, Impacts) dan PDCA (Plan, Do, Check, Action). Melalui model IAOOI dan PDCA ini, FSR dapat memantau keberkesanan sesuatu objektif dan inisiatif strategik yang telah dirancang. Informasi yang diperolehi ini akan menjadi indikator bagi penanda aras kepada inisiatif lain yang dilaksanakan. Ia juga membantu pihak yang terlibat untuk mengambil langkah dengan mewujudkan alternatif lain jika sesuatu inisiatif yang dirancang itu tidak menepati sasaran. Punca ketidakcapaian akan dikaji agar langkah pembedahan dan penambahbaikan dapat diambil dengan secepat mungkin.

2.2 PENDEKATAN (APPROACH)

FSR sentiasa komited dalam usaha menaikkan nama FSR di peringkat nasional dan antarabangsa terutamanya dalam aspek jalinan industri dan keusahawanan. FSR telah menyediakan rumusan kerangka pelan strategik bagi tahun 2020 – 2030. Di dalam kerangka ini, FSR juga menumpukan pelan strategik untuk menaikkan jaringan industri bersama pihak luar dengan merancang menandatangani MoU dengan pihak luar. (*Bukti 1*)

Perancangan strategik FSR yang menumpu kepada jaringan industri dan keusahawan adalah di bawah pengurusan Timbalan Dekan ICAN. Bahagian ICAN telah merangka pelan strategik 2020- 2025 yang mempunyai 5 cabang termasuk jaringan industri dan keusahawanan. Untuk merealisasikan hasrat ini, FSR telah menggariskan beberapa objektif dan inisiatif perancangan strategik antaranya ialah :-

- 1) Memperluaskan jaringan antara Akademia, Industri dan Masyarakat.
- 2) Meningkatkan projek pemindahan ilmu dan akademia dengan kerjasama industri dan komuniti.
- 3) Melaksanakan lebih banyak program sangkutan industri bagi membolehkan staf akademik berkongsi pengetahuan dan menerokai idea baharu.
- 4) Mengenalpasti tokoh alumni yang berjaya dan melantik mereka untuk menjadi mentor atau ikon kepada rancangan pembangunan kerjaya pelajar.
- 5) Menumpukan graduan yang berdaya saing yang mahir dalam bidang keusahawanan.
- 6) Menyediakan ruang dan peluang latihan dan kursus yang berkaitan kepada kakitangan dan pelajar.
- 7) Menganjurkan program-program keusahawanan seperti Karnival Keusahawanan FSR dan Siswaprenur, dengan menggalakkan penyertaan daripada industri dan pelajar.

SENARAI BUKTI:

1. [FSR STRATEGIC PLANNING .pdf](#)
2. [USR FSR_PM Zulkifli Kadir.pdf](#)
3. [PERANCANGAN STRATEGIK BAHAGIAN ICAN FSR 2020-2025 \(1\).pdf](#)

2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Bagi memastikan sasaran UiTM untuk menjadi sebuah universiti tersohor, objektif dan inisiatif strategik FSR adalah sejajar dengan Rancangan Malaysia Ke-11 UiTM (2016 – 2020) iaitu berfokuskan kepada teras pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan, Inovasi dan pengkomersialan, akademia, industri dan masyarakat kepimpinan dan keusahawanan.

Pencapaian para pelajar yang bergraduasi mampu terus berkembang dan mencapai prestasi yang baik melalui Inisiatif Rakan Strategik (graduate employability) dan “Coffee Table Book”. Selain itu, penghasilan graduan juga dilihat lebih dinamik, kompeten, berdaya saing, berketerampilan dan beretika. Graduan turut mampu mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran yang kukuh dan mantap dalam bidang Sains Sukan dan Pengurusan Sukan. Pencapaian ini dinilai berdasarkan Kebolehpasaran Graduasi sejurus menamatkan pengajian di FSR yang memenuhi situasi semasa. Penglibatan pensyarah dalam bidang yang pada mulanya hanya di peringkat fakulti tetapi telah melangkah maju ke peringkat kebangsaan. Beberapa kejayaan dapat dibuktikan melalui perlantikan En. Norasruddin Sulaiman sebagai penganalisa prestasi bagi program kecemerlangan ragbi Malaysia dan juga Dr Rahizam bin Abdul Rahim yang dilantik sebagai Pegawai Teknikal Sukan Sea untuk Pasukan Tenis Malaysia. Ini membuktikan FSR sememangnya berada dalam kelas tersendiri dalam menjalankan peranannya untuk meningkatkan prestasi sukan di Malaysia (petunjuk prestasi).

Penglibatan pelajar-pelajar FSR di peringkat antarabangsa seperti latihan industri di Universiti-universiti terpilih dan juga penyertaan pertandingan-pertandingan besar di peringkat global memastikan objektif pemetaan pensyarah dan pelajar FSR di peringkat di bidang Sains Sukan dan Pengurusan Sukan ini telah tercapai. Ini juga menunjukkan keupayaan pelajar memetakan fakulti di peringkat Antrabangsa.

SENARAI BUKTI :

1. [PENDEDAHAN PELAJAR FSR KEPADA DUNIA KEUSAHAWANAN.pdf](#)
2. [PENGLIBATAN FSR BERSAMA PIHAK INDUSTRI.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pemantauan dan penilaian amatlah dititik beratkan oleh Pengurusan Kanan FSR bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan. Dalam tempoh masa 5 tahun, pemantauan dan penilaian dijalankan bagi memastikan pencapaian sasaran yang telah ditetapkan. Berikut adalah pelan pemantauan yang dibuat bagi jaringan industri dan keusahawanan:

1) Mesyuarat Kajisemula Pengurusan (MKSP)

- membincangkan pasca-nilai (post-mortem) program yang telah di laksanakan untuk penambahbaikan di masa hadapan.

2) Penubuhan Jawatankuasa Khas Program

- melantik pensyarah untuk mengawal selia kerjasama dan program berjalan dengan baik.

3) Kunjung hormat oleh pengurusan Kanan FSR

- memastikan program yang sedang di laksanakan mengikut standard yang telah di gariskan.

SENARAI BUKTI:

2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Risiko yang terpaksa dihadapi pada tahun 2020 ialah akses yang terhad disebabkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan yang dilaksanakan kerajaan untuk mengawal wabak COVID-19 dimana proses pengajaran dan pembelajaran tidak dapat dijalankan secara bersemuka. Terdapat program-program keusahawanan terpaksa di batalkan atas kekangan tersebut.

Selain dari itu, pelbagai aktiviti bersama industri juga menjadi terhad. Namun begitu, pihak pengurusan dengan pantas telah mengenalpasti risiko tersebut dan pantas bertindak untuk menganjurkan pelbagai program secara maya bagi menghubungkan fakulti dan komuniti serta industri.

SENARAI BUKTI :

1. [Virtual MoA yang di jalankan FSR bersama International College of Management.pdf](#)

2.4.3 MENGAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Pengurusan Kanan FSR juga menitikberatkan aspek penambahbaikan program Jaringan Industri dan Keusahawanan. Kaedah yang diguna pakai dalam menilai prestasi kerjasama dan program yang dijalankan adalah melalui maklum balas keberkesanan program. Ianya dijadikan sebagai petunjuk prestasi program yang dijalankan.

Pihak Pengurusan Kanan FSR juga mengambil langkah untuk berbincang dan bekerjasama dengan industri secara online meeting. Perjanjian usahasama antara UiTM dan ICMS juga telah dijalankan secara maya dan berlangsung dengan jayanya.

Program-program bersama industri juga dijalankan secara maya melalui webex seperti program bersama Herbalife yang berlangsung pada 18 November 2020 yang juga turut disiarkan melalui youtube. Video perkongsian dan kerjasama pakar dari fakulti dan industri tersebut telah mendapat sambutan yang baik dan sehingga kini telah mencapai hampir 5000 tontonan.

SENARAI BUKTI :

1. [MOU_ International Agreement between FSR UiTM and ICMS via Online.pdf](#)
2. [JALINAN FSR BERSAMA INDUSTRI SECARA MAYA.pdf](#)

2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Bagi mencapai objektif dan inisiatif strategik yang dirancang berkaitan bidang tumpuan (jaringan industri dan keusahawanan), pihak pengurusan telah berjaya memastikan ianya tercapai melalui perancangan dan pengurusan yang baik.

Antara hasil integrasi yang telah mencapai sasaran KPI 100% adalah seperti berikut:

1. Seramai 36 orang pelajar telah terlibat dalam kolaborasi program bersama industri
2. Bilangan usahawan pelajar yang berdaftar dicawah MASMED/SSM ialah seramai 91 orang
3. Seramai 17 orang staf akademik telah dilantik sebagai penasihat pakar di peringkat kebangsaan dan antarabangsa
4. Sebanyak 16 USR program telah dilaksanakan sepanjang tahun 2020
5. Seramai 9 orang staf telah terlibat di dalam program sukarelawan

SENARAI BUKTI :

1. [DR FIRHAD_KKM.pdf](#)
2. [PI 96 PM DR MAHEN_PERSATUAN PERUBATAN SUKAN MSIA.pdf](#)
3. [FSR Vounteer 2020.pdf](#)
4. [USR FSR_PM Zulkifli Kadir.pdf](#)
5. [PENDEDAHAN PELAJAR FSR KEPADA DUNIA KEUSAHAWANAN.pdf](#)

KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN

3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Tumpuan pelanggan mempunyai tujuan yang sangat jelas bagi memastikan kelestarian diantara organisasi dan pelanggan berpotensi untuk menzahirkan produk graduan yang berkualiti seiring dengan kehendak negara. Memastikan strategi yang systematik dapat dirancang dan dilaksanakan sebaik mungkin agar kesemua pihak yang terlibat mendapat manfaat. Antara kelompok utama pelanggan Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi ialah pelajar, kakitangan, ibu bapa, alumni dan bakal majikan.

Bagi mencapai hasrat ini, kepimpinan kanan FSR khususnya, telah mengenalpasti pelan tindakan serta kandungan yang berimpak bagi memastikan tumpuan pelanggan diberi keutamaan yang maksima kepada **pelajar** yang menjadi pelanggan utama sesebuah universiti. Memberikan perkhidmatan terbaik agar dapat melahirkan graduan yang bagus secara holistik. Mempunyai adab dan ilmu yang boleh membawa mereka menjadi seorang insan yang berjaya dunia dan akhirat. Graduan yang berdaya saing tidak kenal erti putus asa, sentiasa mencabar diri agar terus berjaya.

Alumni universiti juga menjadi sebahagian daripada keluarga fakulti dengan sumbangan dan jasa mereka yang juga memberi impak yang besar seperti pembangunan kemahiran pelajar dan sebagainya. Sering dipanggil untuk berkongsi pengalaman dan cara menghadapi dunia semasa belajar dan bekerja.

Ibu bapa berperanan dalam memastikan anak anak mereka dapat menghabiskan pelajaran dengan sebaiknya. Berkomunikasi dengan pihak fakulti bagi mendapatkan sebarang maklumat yang berkaitan serta memberi input yang boleh digunakan untuk kebaikan bersama. Keterbukaan dalam menerima kaedah pengajaran di universiti dan terus menyokong pelajar dan universiti.

Kakitangan sesebuah universiti yang membantu melancarkan pengurusan jabatan. Juga terlibat sebagai pelanggan fakulti dimana mereka juga memerlukan ilmu yang berkaitan untuk gaya hidup yang sihat.

Bakal majikan yang berpotensi untuk memberi ruang pekerjaan kepada bakal graduan. Boleh dikenalpasti bermula sebagai sebuah organisasi yang menerima pelajar fakulti untuk menjalankan latihan industri. Menjadikan fakulti sebagai hub untuk menyediakan tenaga kerja yang mahir dan berdedikasi kepada organisasi dan syarikat yang terlibat. Disamping dapat meningkatkan lagi kebolehpasaran para graduan uitm khususnya dari Fakulti Sains Sukan.

Organisasi luar yang berpotensi untuk menjalinkan kerjasama dua hala yang memberi manfaat kepada kedua dua buah pihak. Merangka strategi jangka pendek an jangka panjang untuk memastikan plan kerjasama yang dijalankan memberi impak kepada universiti, fakulti, organisasi luar dan pelajar. Kumpulan sasar dikenalpasti berdasarkan kepakaran staf akademik terutamanya pensyarah, untuk menyumbang ilmu dan tenaga kepada kumpulan sasaran. Ianya juga di lihat sebagai satu usaha untuk menarik perhatian organisasi luar tentang keterbukaan FSR dan UiTM atas segala projek yang memberi keuntungan dan manfaat kepada kedua-dua belah pihak.

3.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Di bawah Rancangan Malaysia Ke-11, pembangunan modal insan melalui **Jaringan Industri dan Keusahawanan** telah dikenalpasti bagi menyokong peralihan sektor ekonomi kepada aktiviti yang berbentuk pengetahuan dan berpaksikan inovasi. Dalam usaha merealisasikan aspirasi ini, FSR telah bertindak proaktif didalam mengenalpasti kumpulan sasaran yang terdiri daripada pelbagai sektor seperti Kementerian, Agensi Kerajaan, Persatuan/Kelab Sukan, Syarikat Swasta, Institusi Pendidikan, Pertubuhan Kerajaan dan pelajar. Jesteru, FSR telah mentransformasikan sistem penyampaian agar lebih bersifat fleksibel dan *entrepreneurial*, serta menepati kehendak tempatan namun bersifat global untuk mewujudkan sistem pendidikan tinggi yang mampu melahirkan modal insan yang holistik, seimbang dan mempunyai minda keusahawanan yang berupaya bertindak sebagai penjana pekerjaan (*job creator*) seperti yang dihasratkan di bawah Lonjakan 1, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) atau PPPM(PT).

FSR menentukan keperluan kumpulan sasar bagi bidang tumpuan melalui beberapa kaedah mengikut pelanggan yang ditetapkan. Dengan kaedah penentuan ini, pihak pengurusan dapat merangka segala bentuk aktiviti dan program berkaitan bidang tumpuan yang sesuai dijalankan bagi memastikan keperluan pelanggan dipenuhi. Untuk itu, pihak pengurusan sentiasa membuka ruang dan peluang kepada pelanggan FSR untuk memberi input serta idea yang bersesuaian untuk di implimentasikan di FSR.

Bagi kumpulan sasaran pelajar, ia melibatkan proses Pengajaran dan Pembelajaran, Latihan Industri dan Penyelidikan. Aplikasi ilmu yang dipelajari di universiti di lihat sukar dilaksanakan ketika di dalam kuliah. Oleh itu tempat latihan yang sesuai di industri amat di perlukan supaya ilmu yang di peroleh dapat dipraktikkan. Keperluan menyediakan satu platform untuk pelajar meningkatkan kualiti hidup dengan meningkatkan pendapatan dan kemahiran serta ilmu keusahawanan, pemasaran, selain meningkatkan potensi diri melalui kemahiran komunikasi dan ciri ciri kepimpinan dapat dipertingkatkan. Penglibatan pelajar dapat memberi peluang kepada mereka menjalankan penyelidikan terutamanya kepada pelajar pasca siswazah.

Dengan adanya Jalinan Industri, MOU dan Program Khidmat Masyarakat, maka tumpuan pelanggan juga disasarkan kepada industri. Ia menggalakkan pembudayaan kepakaran staf oleh pihak industri untuk menyumbang idea meningkatkan prestasi industri. Pihak industri juga dapat melibatkan diri mereka di dalam perkembangan ilmu, tidak kira dalam bidang penyelidikan mahupun sumbangan kepakaran mereka.

FSR juga mensasarkan staf melalui mesyuarat akademik, audit dalaman, Mesyuarat PPSM/KPI dan Mesyuarat Fakulti. Ia dapat ditentukan dengan mengadakan latihan mengikut keperluan staf akademik dan bukan akademik dalam fakulti mengikut unit masing-masing, memantau PDP dan kemudahan fasiliti secara keseluruhannya dan agar dapat menyediakan kemudahan makmal yang lengkap untuk menjalankan penyelidikan dan perundingan seperti menambah peruntukan untuk membeli peralatan makmal.

Akhir sekali, graduan sebagai kumpulan sasaran. Dengan terbentuknya Persatuan Alumni FSR dan Soal Selidik Keusahawanan Alumni, FSR dapat menggalakkan graduan kekal aktif membawa nama UiTM mahupun FSR dalam pencapaian mereka. Keperluan melahirkan graduan bumiputera yang relevan, kontemporari, dinamik dan berdaya saing serta memenuhi pasaran tempatan dan global melalui perkongsian ilmu dan pengalaman daripada industri.

SENARAI BUKTI:

1. [Kaedah Penentuan dan Keperluan Kumpulan Sasar.pdf](#)

3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Menyedari kepentingan data pelanggan, pihak pengurusan telah menambah-baik sistem pengumpulan data pelanggan dengan memastikan setiap program menyediakan laporan selepas program. Laporan ini menjadi antara instrument maklumbalas utama termasuk aduan dan analisa kepuasan hati pelanggan. Rekod pengumpulan data ini adalah dibawah bidang kuasa Bahagian Penyelidikan dan Jaringan Industri FSR. Selain itu, menggunakan platform seperti ' **Google Form** 'juga sangat efektif dalam membantu pengumpulan dokumen pelanggan terutama sekali di waktu negara menghadapi pandemik Covid -19. Medium ini juga memudahkan proses untuk mendapatkan maklumbalas pelanggan tentang keberkesanan program, proses dan lain lain. Maklumbalas yang diterima dari pelanggan akan dia analisa untuk kepentingan fakulti bagi penambahbaikan perkhidmatan yang disediakan kepada semua pelanggan.

Bagi memastikan pelanggan dapat memberi maklumbalas secara terus, satu tindakan proaktif dilaksanakan dengan menempatkan borang aduan pelanggan di semua bahagian dan unit di FSR. Selain itu, FSR juga menyediakan kemudahan secara atas talian jika ingin memberi sebarang maklumbalas, cadangan mahupun aduan dengan mengimbas Kod QR di laman web rasmi FSR di mana sahaja pelanggan berada. Kod QR ini akan membawa pelanggan ke satu pautan **Google Form**' di mana mereka boleh mengisi maklumat maklumbalas, cadangan dan aduan berdasarkan unit yang dipilih.

Oleh yang demikian, dengan adanya kemudahan digital yang disediakan, pengukuran dapat dijalankan dengan lebih baik dan terperinci agar segala aduan dapat diusahakan penyelesaiannya secara terus. Pihak-pihak yang bertanggungjawab dan peranan mereka bagi mengendalikan aduan yang berbangkit daripada pihak pelanggan iaitu bermula daripada staf di bahagian dan unit itu sendiri berperanan mengumpul, merekod dan mengambil tindakan segera atas maklumbalas dan aduan yang diterima kemudian, pihak pengurusan eksekutif akan membincangkan dan mewujudkan aktiviti atau program yang dapat memberi kesan positif terhadap kualiti perkhidmatan FSR. Setelah itu, ia akan dibawa ke Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan untuk mengkaji semula keberkesanan sistem pengurusan kualiti FSR dan perkara berbangkit daripada audit, maklumbalas pelanggan, prestasi proses dan produk.

Hasil daripada pengumpulan, analisa dan perbincangan terhadap maklumbalas pelanggan di bahagian dan unit FSR, beberapa mekanisma bagi menangani aduan berbangkit diwujudkan. Hal ini sangat diambil berat bagi memastikan setiap aduan berbangkit dapat ditangani secara holistik dan aduan ini dapat diselesaikan secara kaedah 'situasi menang-menang'.

Bagi memastikan segala aduan yang diterima daripada pihak pelanggan diambil tindakan, FSR sentiasa proaktif dalam mengurus serta memantau perjalanan maklumbalas ini secara holistik dan optimum menggunakan kaedah sistem pengkomputeran yang mesra pengguna. Tindakan yang diambil telah berjaya mengurangkan jumlah aduan yang dibuat melalui platform yang disediakan. Terdapat peningkatan speratusan daripada tahun sebelumnya aduan yang telah berjaya disediakan. Perkara ini amat penting bagi melaksanakan segala penambahbaikan melalui hasil analisa yang diterima. Pengkalan data akan dilaksanakan bagi memenuhi tren terkini dengan menggunakan teknologi agar ianya boleh diakses dimana sahaja.

SENARAI BUKTI :

1. [Borang Maklum Balas dan Cadangan Pelanggan.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pemantauan adalah aspek yang sangat penting dalam proses pembelajaran terutama sekali di dalam pandemik Covid -19. Pensyarah perlu lebih kreatif bagi memastikan proses dapat berlaku degan paling berkesan dan sistematik tanpa mengabaikan konsep pembelajaran yang sempurna. Menyemai nilai nilai murni seperti tanggung jawab dan kejujuran dalam proses pembelajaran agar para pelajar diteguhkan dengan kualiti yang holistik.

Sentiasa cakna dengan keadaan pelajar agar mereka tidak tercicir dalam pembelajaran. memastikan mereka mempunyai fasiliti kemudahan yang paling asas untuk pembelajaran di dalam talian seperti kemudahan internet yang stabil. menyediakan pelbagai alternatif yang mesra pengguna untuk memastikan proses pembelajaran berlangsung dengan sebaik mungkin jika terdapat kekangan pada para pelajar.

Menjadikan mereka lebih bertanggung jawab dengan tugas hakiki sebagai seorang pelajar walaupun medium pembelajaran telah berubah disebabkan pandemik Covid - 19. Kemas dalam menguruskan masa supaya tugas hakiki sebagai seorang pelajar dan ahli keluarga dirumah tidak menyebabkan berlakunya konflik yang tidak sihat.

Pelbagai kaedah pengukuran dan pemantauan dilakukan oleh pihak fakulti FSR untuk memastikan pelanggan dalam keadaan yang paling optimum pada kondisi semasa. Rujuk bukti 1 untuk kaedah pengukuran maklumbalas pelanggan FSR.

Sebahagian daripada cabaran menyediakan pelbagai medium yang interaktif dan dinamik agar para pelanggan khususnya para pelajar dapat menerima apa yang disampaikan dengan sebaik mungkin. Sentiasa kemaskini dan mengenalpasti jika kaedah yang digunakan tidak mampu memberi impak yang maksima terhadap pelanggan dan berusaha untuk perbaiki.

SENARAI BUKTI:

1. [Kaedah Pengukuran Maklumbalas Perkhidmatan Di FSR.pdf](#)

3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Tidak dapat dinafikan terdapat risiko dalam setiap perancangannya dan tindakan yang diambil untuk memastikan proses pencapaian maklumbalas pelanggan. Namun itu adalah bukan penghalang bagi fakulti untuk memberi perkhidmatan yang terbaik kepada para pelanggan bagi memastikan setiap aduan, respon dan pandangan mereka diteliti untuk kebaikan bersama. Tambahan pula negara berhadapan dengan pandemik Covid-19 yang banyak mengubah lanskap penyaluran perkhidmatan kepada pelanggan seperti pelajar yang perlu menjalankan proses pembelajaran di rumah. Para pelanggan lain juga perlu mengadaptasi kaedah perkhidmatan yang baru di alam maya disebabkan perkhidmatan secara fizikal adalah terhad. **Terdapat beberapa risiko atau halangan yang boleh memberi kesan kepada keberkesanan terhadap perkhidmatan yang diberikan. Diantaranya adalah:**

- talian komunikasi yang tidak stabil dan mengganggu kelancaran program secara maya. Caj talian komunikasi yang mungkin tidak mampu ditanggung oleh pelanggan disebabkan frekuensi penggunaan yang tinggi.
- fasiliti dan kemudahan yang tidak kondusif untuk proses pembelajaran atau mana mana program secara maya yang lain seperti kuliah, mesyuarat, seminar dan peperiksaan.
- Sistem yang agak kompleks dimana ianya agak menyukarkan para pelanggan untuk akses kepada sistem.
- Ketinggalan atau terlepas pandang pada sesi menyalurkan perkhidmatan yang menyebabkan pelanggan tercicir kandungan perkhidmatan yang disebabkan oleh isu 'work from home atau online distance learning'
- pelanggan tidak dapat menghadiri sesi peperiksaan disebabkan kuarantin, vaksinasi dan jangkitan Covid-19.

Perlaksanaan pengurusan risiko dalam perancangan pencapaian maklumbalas pelanggan terhadap perkhidmatan yang diberikan.

- menggunakan pelbagai kaedah yang mudah kepada pelanggan dan penggunaan talian komunikasi yang minima seperti menghantar mesej, panggilan terus dan menggunakan kurier.
- inisiatif pihak fakulti dan universiti untuk membantu pelanggan yang memerlukan peralatan asas untuk proses penyampaian dan penerimaan perkhidmatan.
- menyediakan sistem yang mesra pelanggan serta menyediakan tutorial cara menggunakan sistem dengan betul dan efektif.
- mengaktifkan sistem 'reminder' kepada para pelanggan yang terlibat.
- menyediakan 'google form' rekod pentaksiran semula untuk pelanggan yang terlibat.

SENARAI BUKTI :

1. [Rekod pentaksiran semula.pdf](#)

3.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Hasil daripada analisa yang dilakukan daripada borang soal selidik dan pelbagai medium yang lain kepada pelanggan yang menggunakan perkhidmatan di bahagian dan unit FSR, beberapa mekanisma bagi menangani aduan berbangkit diwujudkan. Hal ini diperlukan bagi memastikan setiap aduan berbangkit dapat ditangani secara holistik dan aduan ini dapat diselesaikan secara kaedah 'situasi menang-menang'.

Sila rujuk lampiran proses Tindakan Kepuasan dan Ketidakpuasan Pelanggan Terhadap Perkhidmatan di FSR.

SENARAI BUKTI :

1. [Tindakan Kepuasan dan Ketidakpuasan Pelanggan Terhadap Perkhidmatan di FSR.pdf](#)

3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Bagi memastikan segala aduan yang diterima daripada pihak pelanggan diambil tindakan, FSR sentiasa proaktif dalam mengurus serta memantau perjalanan maklumbalas ini secara holistik dan optimum menggunakan kaedah sistem pengkomputeran yang mesra pengguna. Perkara ini amat penting bagi melaksanakan segala penambahbaikan melalui hasil analisa yang diterima. Pengkalan data akan dilaksanakan bagi memenuhi tren terkini dengan menggunakan teknologi agar ianya boleh diakses dimana sahaja.

Inovasi berlaku jika penambahbaikan sesuatu sistem atau kaedah berlaku, ini tidak dapat dinafikan dimana pihak FSR sentiasa berusaha untuk memberikan yang terbaik kepada semua pelanggan. Menyediakan platform yang mesra pengguna dan mapu untuk diakses oleh semua pelanggan untuk kebaikan bersama.

SENARAI BUKTI :

1. [3.5_Platform_Pelanggan_FSR_berkomunikasi.pdf](#)

KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN

4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Dalam pengukuran, analisis dan pengurusan pengetahuan bagi bidang **Jaringan Industri dan Keusahawanan** pada tahun 2020, FSR telah merujuk kepada objektif perancangan strategik fakulti dengan menggunakan kaedah PDCA dalam menilai setiap perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan tindakan penambahbaikan. Penekanan pengukuran kriteria adalah penglibatan dan kerjasama FSR dengan pelbagai sektor dan agensi luar di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Perancangan yang ditetapkan antaranya adalah penglibatan alumni. Ini kerana alumni amat penting dalam hubungan antara FSR dan bekas pelajar lain yang menjadi salah satu tonggak amalan keusahawanan di fakulti. Selain itu, alumni juga bertindak sebagai penggerak industri dan ini merupakan kelebihan kepada FSR untuk membantu pelajar dalam memajukan diri mereka sendiri yang mana hasilnya nanti akan memberi impak kepada kemajuan industri itu sendiri. Perancangan lain adalah peningkatan kompetensi dan pengetahuan para pensyarah agar mereka terus menjadi pakar rujukan baik di peringkat universiti, di dalam dan luar negara.

Pelaksanaan dalam mengukur, menganalisa dan mengurus pengetahuan adalah dengan mengadakan seminar peningkatan kompetensi di kalangan pensyarah dan kakitangan sokongan, Bengkel Keusahawanan yang melibatkan pelajar FSR, alumni dan agensi luar dan Taklimat Kerjaya di kalangan pelajar tahun akhir fakulti yang telah diadakan sepanjang tahun 2020. Selain itu pelbagai MOU telah ditandatangani antara FSR dan agensi serta universiti luar yang memberi kebaikan kepada kedua-dua pihak. Jalinan industri ini secara tidak langsung meningkatkan jenama fakulti dan UiTM di peringkat negara dan global.

Pihak Masmed fakulti dengan kerjasama alumni dan agensi luar telah menjalankan beberapa program dalam mengukur, menganalisa dan mengurus pengetahuan. Antaranya ialah dengan mengadakan Bengkel Keusahawanan dan Modul Change Maker Mindset, Sports Fitness Management Entrepreneurship dan Webinar Peluang Keusahawanan Melalui Kejurulatihan Sukan. Namun, disebabkan pandemik yang melanda dunia, kebanyakan program yang secara bersemuka terpaksa ditangguhkan. Namun begitu, pelbagai MOU telah berjaya ditandatangani dan dijalankan di antara pihak FSR dan agensi luar walaupun terdapat kekangan masa, tempat dan faktor keselamatan dan kesihatan.

Kejayaan FSR dalam menjalankan MOU dan peningkatan bilangan pelajar yang berjaya dalam keusahawanan terganggu disebabkan oleh pandemik Covid-19. Oleh yang demikian, tindakan penambahbaikan perlu diambil seperti menjalankan program perniagaan secara atas talian contoh UiTM Siswa Mall, Karnival Keusahawanan secara hybrid, Hari Terbuka FSR secara maya, Forum atau Seminar bersama alumni/ agensi luar secara atas talian dan juga menggalakkan penyertaan staf/ pelajar FSR sebagai sukarelawan bagi meningkatkan *visibility* FSR dan UiTM. Tindakan ini antara langkah penambahbaikan dalam mengukur, menganalisis dan mengurus pengetahuan.

4.2 PENDEKATAN (APPROACH)

FSR mengambil pendekatan dalam mengukur pencapaian jaringan industri dan keusahawanan dengan mengambil kira pencapaian KPI PJI (Penyelidikan, Jaringan Industri) fakulti dan program keusahawanan yang dijalankan oleh pihak MASMED yang melibatkan kepakaran, kebolehpasaran pelajar, alumni dan kemahiran.

Kepakaran dapat diukur dengan bilangan geran yang diperolehi, skor MYRA dan bilangan pensyarah yang menjadi pakar rujuk di luar.

Kebolehpasaran pelajar diukur dengan peratusan pelajar yang telah diterima bekerja di dalam pelbagai bidang dan sektor sukan dan juga yang mampu menjana pendapatan dengan menjalankan perniagaan secara persendirian, syarikat atau francais.

Penglibatan alumni dalam program pakar servis menjadi semangat kepada pelajar untuk menceburi bidang yang dikongsi. Disebabkan itu, program melibatkan alumni juga sangat penting dalam pendekatan untuk mengukur pencapaian dalam bidang jaringan industri dan keusahawanan.

Kemahiran boleh diukur dengan jumlah program yang dijalankan sepanjang tahun 2020 yang melibatkan pelajar, pensyarah dan kakitangan sokongan walaupun pandemik covid-19 memperlambatkan perancangan di setiap penjuru dan sudut.

SENARAI BUKTI:

4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Kaedah perluasan data dan metodologi yang digunakan untuk penilaian, pengumpulan data dan analisa adalah dengan menggunakan kaedah SWOT.

S (Strength)

- 1) FSR menjadi hab kepakaran dan pusat rujukan kepada industri sukan dan agensi luar
- 2) FSR menjadi hab sumber kebolehpasaran pelajar kepada industri

W (Weakness)

- 1) Keupayaan pakar FSR dalam menyampaikan ilmu pengetahuan di dalam bidang sains sukan dan rekreasi adalah terhad dan kurang berkesan kerana kebanyakan program dijalankan secara maya disebabkan pandemik covid-19.
- 2) Keupayaan pelajar dalam mengenalpasti potensi diri untuk menjadi usahawan.

O (Opportunities)

- 1) FSR dapat menjalin hubungan kerjasama dengan pelbagai agensi luar khususnya yang berkaitan sektor sukan dan rekreasi.
- 2) FSR melahirkan ramai pelajar yang boleh menjana pendapatan melalui kemahiran yang dipelajari.

T (Threats)

- 1) Persaingan tinggi antara pakar rujuk di bidang sains sukan dan rekreasi bukan sahaja di Malaysia, tapi juga di peringkat antarabangsa.
- 2) Program sukan dan rekreasi yang semakin popular ditawarkan di universiti lain.

Antara data yang dikumpulkan adalah pelaksanaan program oleh Mased pada tahun 2020 dimana antaranya adalah taklimat kerjaya. Program Taklimat Kerjaya ini bertujuan untuk memberi pendedahan tentang realiti kerjaya dan perkembangan terkini dalam industri kecergasan serta menyediakan ruang dan peluang kepada pelajar-pelajar untuk menyertai bidang keusahawanan dalam industri kecergasan ini. Sasaran peserta bagi program ini adalah dari kalangan pelajar Sarjana Muda semester 5 khususnya dan terbuka kepada pelajar yang berminat bagi persediaan untuk berkecimpung dalam bidang keusahawanan setelah bergraduasi.

Selain itu, webinar peluang keusahawanan yang membawa objektif kepada pendedahan para pelajar terhadap asas keusahawanan khususnya dalam kejurulatihan sukan dan berkongsi pengetahuan dalam menggunakan alam maya sebagai platform untuk memulakan aktiviti keusahawanan.

SENARAI BUKTI :

1. [BENGGEL KEUSAHAWANAN.pdf](#)
2. [swot aknc 2020.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Hasil penganalisaan data bagi penambahbaikan prestasi, setiap perancangan dan pelaksanaan **Jaringan Industri dan Keusahawanan** menggariskan beberapa garis panduan:

- 1) Menyelaras aktiviti yang beimpak dalam memastikan pengurusan hubungan dua hala di antara tiga pihak FSR, **Jaringan industri dan Keusahawanan**.
- 2) Membantu fakulti dalam proses menjalin hubungan melalui Memorandum Persefahaman dengan pihak berkepentingan daripada pelbagai sektor dan agensi.

Maklumat ini juga penting dalam membantu pengurusan pengetahuan untuk merancang program yang berkaitan **Jaringan Industri dan Keusahawanan**. Usaha yang dijalankan ini adalah bertujuan memastikan pelajar yang dilahirkan oleh fakulti memiliki kriteria yang seiring dengan kehendak industri masa kini.

Penglibatan alumni juga adalah penting untuk memastikan FSR sentiasa berhubung dengan bekas pelajar. Kebanyakan penggerak industri adalah di kalangan alumni dan ini merupakan kelebihan kepada FSR untuk membantu pelajar dalam memajukan diri mereka sendiri yang mana hasilnya nanti akan memberi impak kepada kemajuan industri itu sendiri.

SENARAI BUKTI:

1. [fsr_msnwp.pdf](#)
2. [fsr_msn_sel.pdf](#)

4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Dalam setiap perancangan, risiko wujud untuk penambahbaikan di setiap peringkat dan pemudahcara akan diaktifkan sebagai medium kepada penyelesaian risiko. Begitu juga dalam pengukuran, analisis dan pengurusan pengetahuan.

Berdasarkan pelan awal yang menjadikan perancangan strategik sebagai ukuran pencapaian, salah satu objektif perancangan strategik fakulti adalah misi membangunkan dan mengembangkan kualiti serta kuantiti perolehan geran penyelidikan. Risiko yang diterima adalah kuantiti geran yang terhad di kalangan pensyarah menjadikan persaingan sengit. Ukuran pencapaian boleh dianalisa dengan melihat kejayaan pensyarah yang menerima geran penyelidikan.

Selain itu, kekangan maklumat alumni fakulti yang menjalankan perniagaan juga merupakan risiko yang dihadapi dalam mengukur pengetahuan di bidang jaringan industri dan keusahawanan. Maklumat ini membantu dalam penyebaran dan pengembangan pengetahuan memandangkan alumni fakulti dan UiTM adalah diantara penggerak industri di Malaysia.

Risiko lain adalah persaingan tinggi antara pakar rujuk di bidang sains sukan dan rekreasi bukan sahaja di Malaysia, tapi juga di peringkat antarabangsa. Risiko ini boleh diukur dengan pertambahan pakar rujuk di universiti lain. Seorang pakar rujuk juga perlu memastikan pengetahuan dirinya berkaitan dengan ilmu dan bidang sains sukan adalah yang terkini agar menjadi pilihan untuk rujukan.

SENARAI BUKTI :

4.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Berdasarkan hasil maklumbalas daripada alumni FSR, memandangkan kita masih terkesan dengan pandemik covid-19 dan sedang melalui norma baharu dimana proses secara bersemuka adalah amat tidak digalakkan, jadi terdapat beberapa cadangan aktiviti jaringan industri dan keusahawanan yang boleh dianjurkan secara norma baharu bagi menjalin usahasama di kalangan pelajar dan juga penggerak industri. Antaranya adalah seperti berikut:

- 1) Program Perniagaan Secara atas talian @ FSR contoh : *UiTM Siswa Mall*
- 2) Karnival Keusahawanan secara hybrid
- 3) Hari Terbuka FSR secara Maya
- 4) Forum atau seminar bersama agensi luar/ industri sukan secara maya
- 5) Menggalakkan penyertaan staf/ pelajar FSR sebagai sukarelawan bagi meningkatkan visibility FSR dan UiTM.

SENARAI BUKTI :

1. [4.4.3 Forum bersama agensi luar secara virtual_FSR.pdf](#)

4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Berdasarkan kepada penganalisan data yang telah dibuat, dalam usaha memastikan FSR berada pada landasan yang tepat dalam bidang Jaringan Industri dan Keusahawanan, beberapa perkara utama telah diberi perhatian untuk proses pemurnian dan penambahbaikan berterusan.

Dalam bidang Jaringan Industri, pihak FSR akan cuba sebaik mungkin untuk menambahbaik nilai yang seiring nilai ESI (excellence, synergy, integrity) UiTM iaitu dalam setiap kolaborasi bersama pihak industri, agensi luar dan komuniti setempat. Ini bagi mendapatkan hasil capaian yang berkualiti dan berimpak tinggi yang boleh memberi manfaat kepada FSR, UiTM dan para kolaborator.

Antara kolaborasi yang telah dijalankan oleh FSR dalam bidang Jaringan Industri termasuklah bidang Penyelidikan dan Inovasi. Disini, dari segi penambahbaikan berterusan, FSR akan cuba meningkatkan lagi kemahiran dan menggalakkan para penyelidik untuk menghasilkan kajian dan berkolaborasi dengan pihak industri bagi menghasilkan lebih banyak produk inovasi berunsurkan sukan dan rekreasi bagi memberi manfaat kepada bukan sahaja kepada FSR, UiTM, dan pihak industri tetapi juga kepada masyarakat dan negara.

Dalam bidang keusahawanan pula, FSR terus berusaha untuk menimbulkan dan meningkatkan minat para pelajar khususnya, dalam bidang perniagaan yang tidak terhad kepada bidang sains sukan dan rekreasi sahaja, tetapi juga kepada bidang lain seiring dengan kehendak pasaran semasa. Kandungan pengajaran dan pembelajaran juga turut menyelitkan aktiviti keusahawanan dalam kalangan para pelajar dan staf FSR bagi menggalakkan warga FSR menceburkan diri dalam bidang perniagaan dan keusahawanan. Pihak MASMED FSR terus berusaha membuka jalan dan peluang kepada pelajar dan staf FSR dengan menyebarkan maklumat berkaitan program keusahawanan digital contohnya program e-Usahawan bagi menggalakkan warga FSR untuk meningkatkan keupayaan diri dalam bidang keusahawanan bersesuaian dengan situasi semasa pandemik Covid-19 yang mana menunjukkan peningkatan ketara terhadap perniagaan atas talian.

SENARAI BUKTI :

1. [fsr yakult.pdf](#)
2. [fsr krm.pdf](#)

KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA

5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Sumber manusia merupakan elemen penting dalam pengurusan organisasi. Warga kerja Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi (FSR) merupakan nadi penggerak bagi setiap inisiatif strategik dalam mencapai KPI tahunan yang telah ditetapkan. Setiap staf akademik dan staf pentadbiran bersama berusaha mengoptimalkan kepakaran dan pengalaman bagi menuju kejayaan FSR seperti mana slogan FSR **“Be The Best, Beat The Rest”**. FSR berfokus kepada aspek tumpuan Jaringan Industri dan Keusahawanan telah melaksanakan pelbagai kaedah pengurusan sumber manusia yang berkesan bagi mengoptimalkan kepakaran dan pengalaman dalam menjayakan bidang tumpuan. Selain itu, memastikan warga Fakulti bersama-sama memacu tenaga demi menjadikan FSR sebagai Fakulti terbilang dan cemerlang.

Pemantauan dan pengurusan risiko dalam melihat tahap kepuasan hati pelanggan dan aduan sumber manusia terhadap persekitaran dan sistem kerja di ambil perhatian agar objektif yang telah dirancang mencapai sasaran. FSR sentiasa menjadikan amalan penambahbaikan dalam tindakan pengurusan sumber manusia. FSR juga berusaha untuk memupuk semangat dan kerjasama di kalangan staf melalui inovasi yang terhasil serta penerapan budaya amalan yang baik.

5.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi mengamalkan pengagihan kerja mengikut fungsi dan unit bagi menguruskan sumber manusia. Struktur organisasi disusun dan dibahagikan secara terperinci mengikut skop tugas dan tanggungjawab setiap bahagian. Di bawah unit Jaringan Industri dan Keusahawanan, diketuai oleh Penasihat iaitu Profesor Dr. Mohad Anizu Mohd Nor, Timbalan Dekan Jaringan Industri, Alumni dan Keusahawanan; Profesor Madya Dr. Hosni Hasan, dibantu oleh Koordinator ICAN; Encik Rahmat Adnan, Koordinator Penyelidikan; Dr. Raihana Mohd Sharir, Koordinator MYRA; Puan Nur Hasanah Ruslan serta kerani bagi unit JI&K, Puan Siti Suraya. Tabdir Urus ini merupakan satu rujukan utama punca kuasa dalam hal ehwal berkaitan jaringan fakulti-industri, komuniti, alumni dan keusahawanan. Unit keusahawanan fakulti pula diselaraskan dengan lebih terperinci di bawah MASMED, iaitu merancang, menganjurkan dan mengawal selia aktiviti keusahawanan pelajar dan staf, serta menjalinkan kerjasama dengan pelbagai agensi dan organisasi dalam aktiviti keusahawanan fakulti.

Sebagai sebuah pusat tadbir urus yang bertanggungjawab merancang dan melaksanakan aktiviti perhubungan alumni, Unit Jaringan Industri dan Keusahawanan sentiasa seiring dengan hasrat fakulti dan universiti untuk memperkasakan hubungan dan jaringan industri serta alumni. Bagi memperkasakan jaringan dan kerjasama dengan industri, fakulti komited dalam mengadakan kolaborasi bersama industri melalui persetujuan persefahaman memorandum yang membuka lebih banyak peluang kerjasama dalam pelbagai aktiviti dan program. Pelaksanaan aktiviti dan program ini adalah penting dalam memanfaatkan kedua-dua belah pihak.

Manakala jaringan bersama alumni diperkasakan melalui beberapa platform media seperti laman Facebook khusus yang mengumpulkan alumni FSR di mana medium ini memudahkan komunikasi dan perbincangan usahasama dan program di antara pihak fakulti dan alumni. Beberapa program dan projek bersama alumni telah berjaya dilaksanakan seperti perlawanan bola sepak persahabatan di antara warga FSR dan alumni FSR. Melalui aktiviti dan program yang melibatkan kerjasama daripada industri dan alumni ini dapat menyokong teras fungsi fakulti iaitu pengajaran, penyelidikan dan khidmat profesional.

Bagi pengurusan latihan dan kursus ke arah keusahawanan, FSR menyediakan ruang dan peluang kepada staf akademik dan staf pentadbiran dalam mengikuti latihan dan kursus yang direncanakan bagi meningkatkan kemahiran dan kecekapan serta memperluaskan pengetahuan dalam JI&K. Pihak fakulti melalui MASMED telah menyalurkan sumber latihan dan kursus berkaitan keusahawanan terutamanya dari agensi seperti INSKEN dan MaGIC serta agensi-agensi lain. Usaha ini adalah supaya para staf yang terlibat dapat mengikuti latihan ini sebagai persediaan menjadi tenaga pengajar keusahawanan Fakulti. Hasil daripada latihan tersebut, para staf dapat membantu aktiviti-aktiviti keusahawanan dan pembangunan pelajar sebagai penasihat dan mentor kepada pelajar. Fakulti juga telah berjaya mengadakan Bengkel Penyelidikan pada 4 hingga 8 Januari 2021 yang melibatkan staf akademik dan pelajar FSR dari seluruh kampus FSR di cawangan. Dalam bengkel tersebut, pelbagai aktiviti yang melibatkan taklimat penyelidikan, etika, Myra dan kolokium proposal penyelidikan yang dibentangkan oleh pelajar sarjana dan Phd. Secara tidak langsung, usaha ini dapat meningkatkan keupayaan staf akademik dan pelajar menghasilkan penyelidikan yang berimpak tinggi dan mencapai inisiatif strategik yang telah ditetapkan.

SENARAI BUKTI:

1. [CARTA ORGANISASI FAKULTI SAINS SUKAN DAN REKREASI.pdf](#)
2. [Attachment senarai MoU dan MoA.pdf](#)
3. [Laporan Program MASMED - Webinar GOCOACH.pdf](#)
4. [FACEBOOK ALUMNI FSR.pdf](#)

5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

FSR sentiasa menyokong dan menggalakkan penglibatan staf dalam menyumbangkan kepakaran dan pengalaman bidang mereka kepada fakulti, universiti dan industri. FSR sebagai sebuah organisasi yang berwibawa dan komited dalam mencapai matlamat dengan menawarkan perkhidmatan dalam bidang sains sukan dan rekreasi di Malaysia. Melalui usahasama dan persefahaman memorandum dengan organisasi seperti institusi pengajian tinggi dan industri di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Sumbangan kepakaran dan kemahiran dapat dimanfaatkan di dalam industri yang berkaitan seperti menawarkan khimat konsultansi, mentor, tenaga pengajar, dan fasilitator. Contohnya, penglibatan Encik Norasrudin Sulaiman sebagai Penganalisis Prestasi Atlit di Persatuan Bola Sepak Selangor, Dr. Hasnul Faizal Hushin Amri sebagai Pengarah Majlis Sukan Wilayah Persekutuan, dan Dr Pekan Ramli sebagai Ketua Penolong Setiausaha Kanan di Kementerian Pendidikan Malaysia. Kerjasama dengan badan-badan profesional seperti APIEM, MESSA dan ISSPF dapat mengetengahkan kualiti kepakaran dan pengalaman staf FSR dalam memacu organisasi mencapai matlamat.

Staf FSR juga sentiasa berbakti kepada fakulti dengan menyumbangkan masa dan tenaga dalam aktiviti dan program komuniti dan khidmat masyarakat. Antara program yang berjaya dilaksanakan adalah program Eksplorasi Sukan Tenis untuk pelajar sekolah.

Kepakaran dan pengalaman staf dalam bidang keusahawanan juga adalah penting dalam memacu matlamat fakulti dalam melahirkan budaya keusahawanan di kalangan warga Fakulti. Tenaga pengajar keusahawanan bertindak sebagai penasihat dan mentor kepada para pelajar dalam menjalankan aktiviti keusahawanan. Ilmu dan pengalaman yang diperolehi oleh tenaga pengajar keusahawanan dapat menggerakkan program-program keusahawanan dan membuka ruang kepada para pelajar untuk memasarkan produk dan perniagaan mereka. Bagi merealisasikan budaya keusahawanan di kalangan pelajar, beberapa program keusahawanan pelajar anjuran Fakulti seperti Webinar Fitness Talk dan Webinar Peluang Kejurulatihan Sukan oleh GoCoach Global telah diadakan untuk menarik lebih ramai pelajar menceburi aktiviti keusahawanan.

SENARAI BUKTI :

1. [surat pelantikan Dr Hasnul.pdf](#)
2. [surat pelantikan Dr Pekan.pdf](#)
3. [Laporan Program MASMED - Webinar.pdf](#)
4. [Program Eksplorasi Sukan Tenis \(2\).pdf](#)
5. [Laporan Program MASMED - Webinar.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

FSR sentiasa mengamal dan menerapkan budaya komunikasi yang berkesan dalam organisasi. Antaranya, komunikasi secara dua hala antara pihak Pengurusan dengan staf Fakulti dalam menyampaikan maklumat yang tepat dan terkini. Pada masa yang sama staf Fakulti boleh memberi maklum balas atau respon terhadap maklumat yang diberikan. Selain itu, komunikasi secara terbuka juga turut diamalkan dan diterapkan di antara warga Fakulti dengan menggunakan emel dan whatsapp bagi menghubungkan warga secara terbuka. Secara tidak langsung, maklumat yang disampaikan lebih tepat dan berkesan dalam meningkatkan pencapaian yang lebih cemerlang.

Dari aspek tahap kepuasan hati pelanggan, markah Happiness Index (HI) untuk keseluruhan FSR adalah 77% pada tahun 2020 berbanding pada tahun 2018 iaitu 68%. Ini menunjukkan peningkatan indeks kegembiraan FSR terhadap emosi positif, keterlibatan, hubungan, makna, pencapaian dan infrastruktur. Kejayaan ini adalah kerana setiap aktiviti yang dirangka oleh FSR sentiasa memastikan keperluan dan memenuhi kepuasan hati warga Fakulti. Dari aspek JI&K, antara aktiviti yang dijalankan adalah menjalinkan kerjasama dengan industri, agensi-agensi dan alumni, menandatangani persefahaman MoU dan MoA dengan industri dalam dan luar negara, bengkel Penyelidikan FSR dan aktiviti keusahawanan pelajar dan staf.

SENARAI BUKTI:

1. [Attachment Happiness Indeks.pdf](#)
2. [MOU CYBERLYNX SIGN \(1\)_compressed.pdf](#)
3. [Attachment senarai MoU dan MoA.pdf](#)

5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan Risiko merupakan salah satu aspek pengurusan bagi memastikan kualiti kepuasan hati dapat diatasi dengan sistematik. Oleh itu, sistem pengurusan risiko di FSR telah diberi keutamaan dari segi penambahbaikan dan pemantapan dalam mengatasi isu-isu sumber manusia yang terlibat dalam aspek Jaringan Industri dan Keusahawanan (JI&K). Antaranya adalah meningkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan.

Risiko berkaitan dengan sumber manusia dalam aspek JI&K yang telah dikenalpasti oleh FSR adalah kekangan masa staf dalam penglibatan aktiviti FSR. Ini disebabkan oleh jadual pengajaran dan pembelajaran serta urusan pentadbiran warga fakulti yang telah ditetapkan dalam pengurusan. Pihak pengurusan telah mengambil pendekatan dengan membuat pemakluman awal aktiviti-aktiviti JI&K agar warga FSR dapat melibatkan diri dalam aktiviti yang dirancang. FSR telah mengenalpasti risiko Pelan Penggantian Staf dalam pengurusan sumber manusia di tahap sederhana. FSR telah menjalankan usaha pelan tindakan dengan mewujudkan program Mentor Mentee.

SENARAI BUKTI :

1. [Pelantikan Mentor Mentee PM Dr Firhad.pdf](#)
2. [senarai tugas mentor dan mentee1.pdf](#)

5.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

FSR memberi penekanan kepada persekitaran dan system kerja yang kondusif bagi menggalakkan aktiviti Jaringan Industri & Keusahawanan berjalan dengan lancar. Suasana persekitaran kerja yang selesa secara tidak langsung membantu kelancaran tugas di FSR.

FSR telah menyediakan bilik Research Garden dan bilik kuliah yang lengkap dengan kemudahan ICT, luas dan selesa serta berhawa dingin untuk kegunaan staf dan pelajar sebagai tempat pengajaran dan pembelajaran, perbincangan dan penganjuran aktiviti-aktiviti JI&K secara atas talian. FSR juga menyediakan Makmal Suaian Fizikal untuk digunakan oleh pelajar, staf dan pihak luar bagi menjalani aktiviti santai atau formal. Di samping itu, FSR juga mewujudkan medium Maklumbalas Pelanggan dan Aduan dengan menggunakan QR Code bagi mengambil berat kualiti perkhidmatan yang diberikan kepada staf, pelajar, organisasi luar untuk penambahbaikan berterusan ke atas perkhidmatan yang telah digunakan semasa aktiviti-aktiviti JI&K dijalankan.

Pelbagai medium digunakan oleh pihak Pengurusan bertindak kepada maklumbalas sumber manusia, antaranya mesyuarat pengurusan bersama warga Fakulti serta saluran sosial media seperti emel, *facebook* dan *WhatsApp group*. Pekeliling Dekan digunakan sebagai medium utama bagi menyampaikan dan menyebarkan maklumat kepada warga Fakulti secara langsung untuk menyelesaikan sesuatu perkara.

FSR turut menyediakan QR Code Maklumbalas Pelanggan dan Cadangan/ Aduan serta e-Aduan digunakan oleh staf dan pelajar dimana boleh menyampaikan maklum balas selepas menggunakan perkhidmatan yang disediakan oleh FSR dan mengemukakan aduan atau cadangan serta melaporkan kerosakan kemudahan kepada pihak yang berkenaan.

Bagi mengeratkan lagi hubungan ukhawah antara warga Fakulti, beberapa aktiviti bersama warga Fakulti telah diadakan secara tidak langsung. Antara aktiviti tersebut adalah Majlis Amanat Dekan, Majlis Penghargaan (sempena Persaraan Staf, Pertukaran Staf, APC), Karnival Sukan Staf (Karista), Program Teambuilding, Program Sehari (Pembangunan Diri), Majlis Sambutan Hari Raya dan lain-lain lagi menjadi aktiviti pertemuan.

SENARAI BUKTI :

1. [QR CODE BORANG ADUAN_ CADANGAN DAN MAKLUM BALAS PELANGGAN FSR.pdf](#)
2. [Attachment Pekeliling Dekan bil 4_2020.pdf](#)
3. [FSR Facilities.pdf](#)

5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

FSR sentiasa memastikan setiap staf diberi peluang untuk meningkatkan kompetensi dan menggalakkan penglibatan dalam bidang JI&K pada tahap yang optimum. Oleh itu, FSR telah mewujudkan inovasi dalam menghubungkan FSR dengan alumni iaitu pangkalan data FSR Alumni. Antaranya FSR UiTM Alumni Societies, FSR Alumni Facebook Page, FSR Alumni Entrepreneur Survey dan FSR Alumni Tracer Survey 1995 – 2021. Selain itu, beberapa pautan di laman sesawang FSR sports.uitm.edu.my seperti FSR Research Interest Group, dan Kolaborasi dalam JI&K diwujudkan sebagai pangkalan data kepada pihak luar untuk mengakses maklumat mengenai FSR dalam mewujudkan jaringan kerjasama pada masa akan datang. Data-data seperti maklumat dan kepakaran warga FSR juga sedia diakses bagi memudahkan sebarang urusan dan penglibatan warga fakulti terutama dalam bidang JI&K.

Sumbangan warga fakulti dalam kepakaran dan pengalaman mereka diiktiraf oleh fakulti menerusi penghargaan dan pengiktirafan kepada warga kerja. Dengan pengiktirafan yang diberikan oleh pihak fakulti kepada sumber manusia, ianya mendorong kepada warga Fakulti untuk sentiasa bermotivasi dan bersemangat dalam melakukan tugas. Warga Fakulti yang telah berusaha dan menyumbangkan kepakaran dan kemahiran dalam program dan aktiviti telah menaikkan imej FSR. Secara tidak langsung mewujudkan hubungan profesional di antara warga Fakulti dengan pihak luar.

Amalan budaya memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada warga Fakulti yang telah memberi sumbangan kepada Fakulti dan menerima anugerah peringkat universiti, kebangsaan dan antarabangsa turut diraikan melalui Kelab Keluarga FSR, ucapan penghargaan di media sosial rasmi dan laman sesawang FSR. FSR turut membudayakan amalan meraikan warga Fakulti yang telah mendapat kenaikan pangkat, bersara, mendapat perkhidmatan cemerlang, khidmat setia, jamuan Hari Raya, dan sebagainya di dalam majlis jamuan dan keraian anjuran Kelab Keluarga FSR. Selain itu, majlis keraian yang dianjurkan bertujuan mengeratkan hubungan silaturrahim sesama staf. Pihak industri dan alumni dijemput agar dapat menjalinkan hubungan yang baik bersama warga FSR.

SENARAI BUKTI :

1. [PENGHARGAAN DAN PENGIKTIRAFAN.pdf](#)
2. [FACEBOOK ALUMNI FSR.pdf](#)
3. [PENGHARGAAN DARI KELAB KELUARGA FSR.pdf](#)
4. [PENGHARGAAN PERKHIDMATAN DAN KEPAKARAN STAF.pdf](#)
5. [INOVASI.pdf](#)

KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI

6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Rekabentuk proses kerja memerlukan proses sokongan yang mantap bagi melancarkan lagi kecekapan dan keberkesanan sesebuah organisasi dan sistem pengurusan di fakulti. Di Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi (FSR) setiap bahagian memainkan peranan dalam menyokong pelaksanaan dan keberhasilan objektif dan inisiatif strategik yang berfokuskan jaringan industri dan keusahawanan. Seajar dengan elemen ini, FSR sentiasa komited dan proaktif dalam menghasilkan input yang berkualiti bagi memenuhi kehendak UiTM khususnya, dan juga pemegang taruh. FSR sentiasa berusaha ke arah penambahbaikan berterusan dengan mewujudkan pelbagai inisiatif inovasi terhadap proses kerja di FSR. Bagi melaksanakan objektif utama dalam meningkatkan kecemerlangan operasi, FSR menggunakan model PDCA (Plan, Do, Check, Action) dalam proses kerja bagi setiap program yang dilaksanakan.

Plan - Menyediakan kertas kerja program, pembentang di mensyuarat pengurusan tertinggi dan penambahbaikan kertas cadangan. **Do** - Melaksanakan aktiviti yang dirancang. **Check** - Memastikan kelulusan kertas kerja dan memantau proses perjalanan aktiviti. **Action** - Penambahbaikan aktiviti, pembetulan kesilapan dan *post mortem*.

PDCA merupakan satu inovasi kerja yang diguna pakai di FSR dalam memastikan peningkatan kecemerlangan yang berterusan terhadap program jaringan industri dan keusahawanan di FSR.

6.2 PENDEKATAN (APPROACH)

FSR sangat menekankan keperluan setiap pihak yang terlibat dalam sistem dan proses kerja. Sistem kerja yang bersepadu dan komprehensif dibentuk supaya keputusan yang terbaik dapat dicapai. Proses ini ditambahbaik dari masa ke semasa bagi memenuhi kehendak dan kepuasan pemegang taruh. FSR juga menggalakkan staf sentiasa berusaha menambahbaik proses kerja sedia ada melalui idea yang kreatif dan inovatif. Proses kerja yang dapat menjimatkan tenaga, masa dan kos sangat serta meningkatkan kegirangan hati pelanggan adalah sangat diutamakan. Pemantauan akan dilakukan sepanjang perjalanan projek.

Dalam memastikan FSR memberikan kualiti perkhidmatan yang sistematik, efisien dan cekap, setiap bahagian di FSR memainkan peranan masing-masing dalam memastikan operasi jaringan industri dan program keusahawanan dijalankan mengikut prosedur operasi yang di tetapkan.

Secara keseluruhan, setiap inisiatif Jaringan Industri dan Keusahawanan yang dilaksanakan di FSR adalah di bawah unit Jaringan Industri dan Keusahawanan yang diketuai oleh Timbalan Dekan PJI dan dibantu oleh koordinator-koordinator yang bertanggungjawab. Objektif utama FSR ialah aspek pengurusan dan pembangunan staf FSR melalui jaringan dan kerjasama dengan pihak industri dan program keusahawan. Selain itu, hasil inisiatif ini dapat membantu meningkatkan pengajaran dan pembelajaran melalui pemedahan ilmu dan kepakaran diantara kedua belah pihak.

FSR telah mengenal pasti tiga prosedur yang diguna pakai dalam melaksanakan operasi jaringan industri dan keusahawanan di FSR. Prosedur yang pertama ialah proses kolaborasi FSR dengan pihak industri (national dan antarabangsa). FSR telah menandatangani pelbagai memorandum persefahaman dengan pihak industri dan perbincangan strategik dengan pihak industri dalam menjalin kerjasama antara FSR dan pihak luar. Prosedur yang kedua ialah proses perkongsian kepakaran kepada industri dimana ia dilaksanakan dengan pinjaman staf akademik FSR ke pihak industri untuk menyumbang kepakaran dan menjalinkan usahasama bersama pihak berkenaan demi menaikkan nama FSR di peringkat lebih tinggi. Prosedur yang ketiga adalah proses menjalankan aktiviti pelajar dengan pihak luar dalam aspek keusahawanan. Koordinator MASMED FSR yang dilantik bertanggungjawab dalam memastikan program-program keusahawan di FSR berjalan lancar.

SENARAI BUKTI:

1. [PERANCANGAN STRATEGIK BAHAGIAN ICAN FSR 2020-2025 \(1\).pdf](#)
2. [surat pelantikan Dr Hasnul.pdf](#)
3. [BENGKEL KEUSAHAWANAN.pdf](#)
4. [MoU, Industri , Keusahawanan.pdf](#)

6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Dalam memastikan hasil dan keberkesanan inisiatif yang akan dijalankan, Model Plan, Do, Check dan Action (PDCA) telah diaplikasikan sebagai proses utama dalam memastikan aktiviti dan program ini memberi impak kepada pensyarah, pelajar dan industri. Aplikasi model PDCA ini telah berjaya menghasilkan program-program jaringan industri dan keusahawanan di peringkat FSR ini dapat dilaksanakan secara berterusan. Melalui aktiviti keusahawanan dapat meningkatkan daya saing yang tinggi dikalangan pelajar dan pensyarah.

Aplikasi model PDCA bagi setiap aktiviti dan program jaringan industri dan keusahawanan telah meningkatkan lagi hasil pencapaian dan memberi impak yang besar kepada FSR. Berikut adalah perincian untuk model PDCA yang digunakan di peringkat FSR:

Plan: Pada akhir tahun 2019, Timbalan Dekan ICAN dan pasukannya akan mengenalpasti KPI dan inisiatif yang akan dijalankan selaras dengan KPI universiti. Penetapan KPI dan inisiatif mengambil kira potensi risiko, cabaran dan impak kepada pensyarah, fakulti, universiti dan pemegang taruh. Inisiatif yang memberi impak besar, berisiko rendah dan cabaran yang boleh diatasi akan dipilih untuk dilaksanakan. Maklumat sokongan dikutip bagi mengukuhkan lagi perancangan yang bakal dilaksanakan. Penetapan KPI dan inisiatif ini dibentangkan dalam Bengkel Perancangan Strategik dan disahkan dalam Mesyuarat Pengurusan Eksekutif Fakulti. Penurunan KPI dan inisiatif ini dibentangkan pula kepada semua pensyarah melalui Mesyuarat Amanat Tahunan Dekan untuk pelaksanaan secara menyeluruh.

Do: Pada awal tahun, pasukan ICAN akan menyediakan takwim program yang akan dijalankan dan *Champion* dan Pegawai Liasion yang akan menguruskan program ini akan dilantik.

Jawatankuasa kecil diwujudkan dan tugas pra-program disediakan seperti kertas kerja untuk kelulusan MPE. Bagi jalinan kerjasama dan persefahaman diantara agensi luar dijalankan dengan mengadakan mesyuarat awal bagi membincangkan bentuk dan aspek kerjasama yang dilaksanakan. Melalui Amanat Dekan Tahun 2020, setiap pensyarah digalakkan untuk membuat jaringan dengan pihak luar dimana situasi menang-menang diantara kedua belah pihak yang membuat perjanjian persefahaman.

Check: Setelah penetapan program dijalankan pada awal tahun, pemantauan terhadap kemajuan inisiatif dibuat secara berkala iaitu setiap bulan pelaporan kepada Timbalan Dekan ICAN dan laporan kepada pengurusan fakulti. Pengukuran keberkesanan inisiatif dibuat melalui maklumbalas yang diterima melalui mesyuarat post mortem dan laporan program. Maklumbalas tersebut akan dianalisa bagi mendapatkan input dan output dan keputusan yang diperolehi akan diambil tindakan berikut;

- i. Maklumbalas negatif – penambahbaikan untuk program yang sama di masa akan datang, dan
- ii. Maklumbalas positif – mengekal dan mempertingkatkan lagi kualiti dalam pelaksanaan program tersebut

Action: Hasil dari laporan program akan dibentangkan untuk proses penambahbaikan di mesyuarat pengurusan FSR. Sebarang maklumbalas negatif dibincangkan untuk mendapatkan resolusi terbaik dan maklumbalas positif akan diterapkan untuk aktiviti/program akan datang. Hasil dari mesyuarat ini akan maklumkan kepada para pensyarah untuk memastikan inisiatif akan datang dapat dilaksanakan dengan lebih baik. FSR juga mengeluarkan surat

penghargaan kepada semua agensi yang terlibat.

SENARAI BUKTI :

1. [PERANCANGAN STRATEGIK ICAN MASMED.pdf](#)
2. [CABUTAN MINIT MESYUARAT PENGURUSAN TERTINGGI MEMBINCANGKAN TENTANG JARINGAN INDUSTRI DAN KEUSAHAWANAN.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Hasil Jangkaan Terhadap Pelaksanaan Operasi

Pengurusan fakulti melalui Timbalan Dekan (ICAN) adalah bertanggungjawab memastikan proses ikatan perjanjian persefahaman dan Memorandum Perjanjian dilaksanakan mengikut garis panduan dan proses yang telah ditetapkan oleh Pejabat Undang-Undang UiTM. Proses ini memfokuskan bentuk kerjasama yang akan dijalankan dan memberi manfaat diantara kedua belah pihak yang bersetuju untuk bekerjasama. Konsep jaringan industri adalah merujuk kepada aktiviti melibatkan kolaborasi, perkongsian ataupun kerjasama strategik antara UiTM dan pihak industri. Ianya dilaksanakan melalui pelbagai platform dan inisiatif termasuk sangkutan industri (kakitangan mahupun pelajar), penyelidikan, pengajaran dan pembelajaran, khidmat kepakaran, dan konsultasi dengan setiap aktiviti disertakan dengan surat pengesahan tawaran atau penerimaan, surat niat kerjasama (letter of intent) atau perjanjian persetujuan [Memorandum of Understanding (MoU) atau Memorandum of Agreement (MoA)].

6.4.1.1 Jaringan Industri

Perbincangan awal dalam menentukan isi kandungan MoU dan MOA terutamanya objektif, skop / bidang kerjasama, implikasi kewangan yang terlibat, tempoh perjanjian, dan sebagainya.

Proses bermula dengan “Champion” akan menghasilkan draf MoU/MoA dengan perincian usahasama bersama pihak-pihak yang terlibat. Draft akan dihantar ke Pejabat Dekan bersama ringkasan kertas kerja untuk semakan pihak tertinggi FSR. Draft yang disemak akan di maklumkan samada disokong/tidak disokong. Draft yang tidak disokong akan dikembalikan kepada “Champion” bersama laporan mesyuarat untuk penambahbaikkan. Draft yang disokong akan juga akan dimaklumkan kepada “Champion” dan fakulti akan mengemukakan draf MoU/MoA kepada Pejabat Penasihat Undang-Undang bersama surat iringan dan kertas kerja ringkas untuk semakan. Draft yang disemak dan disokong oleh Pejabat Penasihat Undang-Undang akan dikemukakan oleh Dekan Fakulti kepada Majlis Eksekutif Universiti (MEU) untuk kelulusan. Sejurus mendapat kelulusan daripada MEU, fakulti akan merancang untuk mengadakan proses menandatangani MoU/MoA. Fakulti akan menyediakan tiga Salinan MoU/MoA untuk simpanan Fakulti, rakan kolaborasi dan PUU. “Champion” dengan kerjasama TD ICAN akan membuat pelaporan dalam system SMART bagi merokodkan aktiviti bersama rakan kolaborasi.

6.4.1.2 Keusahawanan

Proses bagi menjalankan aktiviti/program keusahawanan akan diketuai oleh Koordinator Keusahawanan Fakulti bagi pensyarah dan pelajar. Koordinator Keusahawanan memainkan peranan yang besar bagi memastikan program keusahawanan dapat dijalankan di peringkat Fakulti dengan penglibatan pensyarah dan pelajar. Koordinator Keusahawanan akan menyediakan kertas kerja bersama implikasi kewangan yang diperlukan dan menghantar permohonan kepada pejabat Dekan untuk proses kelulusan. Mesyuarat tertinggi Fakulti akan memutuskan samada menyokong atau tidak menyokong permohonan untuk menjalankan aktiviti/program. Program yang tidak disokong akan dikembalikan kepada Koordinator Keusahawanan untuk pembetulan beserta laporan mesyuarat. Manakala program yang disokong akan mendapat surat kelulusan bagi menjalankan aktiviti/program. Koordinator Keusahawanan dikehendaki untuk menghantar laporan program sejurus tamat dan membentangkan hasil aktiviti/program di peringkat Fakulti bagi proses penambahbaikkan untuk program-program yang akan datang.

SENARAI BUKTI:

1. [Jangkaan Hasil Operasi.pdf](#)

6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Nyatakan bagaimana pengurusan risiko dilaksanakan dalam pengurusan operasi

Fakulti juga terdedah kepada pelbagai isu dan cabaran yang boleh menyebabkan fakulti tidak dapat mencapai objektif strategic yang ditetapkan. Ketidakpastian yang berpunca daripada perkara-perkara melibatkan isu, proses kerja, peristiwa atau kesan risiko perlulah diurus dengan sebaiknya agar setiap perancangan yang telah dibuat dapat mengikut garisan masa yang ditetapkan demi kelangsungan fakulti pada masa akan datang.

Antara kaedah yang dilakukan ialah dengan mewujudkan proses bagi mengenalpasti, menilai, mengukur, memantau, mengawal dan menangani risiko dalam melaksanakan jaringan industri dan Keusahawanan. Pengurusan risiko kedua proses ini secara tidak langsung dapat mengalakkan budaya kerja proaktif bagi mejangka dan menangani isu yang mempunyai impak besar dimana tindakan pencegahan dapat dilaksanakan. Selain itu ianya dapt membantu pengurusan untuk membuat keputusan lebih tepat berdasarkan tindakan kawalan terhadap risiko atau peluang yang dihadapi.

SENARAI BUKTI :

1. [FSR1-TEMPLAT v2 ANALISA IMPAK OPERASI DAN PERANCANGAN KESINAMBUNGAN OPERASI.pdf](#)

6.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Pihak fakulti menerima pelbagai bentuk maklumbalas hasil daripada program yang telah dijalankan. Antara bentuk maklumbalas ialah melalui survey di google form dan maklumbalas secara langsung dari pelaksana atau pemegang taruh. Selain itu, penelitian dan pemerhatian yang dibuat oleh staf yang bertanggungjawab di rekodkan dan dibincangkan semasa mesyuarat bahagian di peringkat ICAN. Maklumbalas tersebut akan dianalisa bagi mendapatkan input dan output dan keputusan yang diperolehi akan diambil tindakan berikut;

- i. Maklumbalas negatif – penambahbaikan untuk program yang sama di masa akan datang, dan
- ii. Maklumbalas positif – mengekal dan mempertingkatkan lagi kualiti dalam pelaksanaan program tersebut

Analisa kepada tumpuan operasi ini menumpukan beberapa perkara iaitu proses penambahbaikan, kelemahan dan kekuatan sumber sedia ada dan kaedah untuk meningkatkan komitmen staf di FSR terutamanya.

SENARAI BUKTI :

1. [Borang Maklum Balas dan Cadangan Pelanggan.pdf](#)

6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Ekoran Pandemik COVID-19, pihak fakulti telah merangka beberapa perubahan dan menghasilkan kaedah dan proses yang baharu sesuai dengan kekangan yang dihadapi akibat Arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Tidak dinafikan PKP ini memberi kesan yang sangat besar terhadap perancangan strategik dan pelan inisiatif yang akan dan telah dilaksanakan oleh fakulti dalam mencapai KPI yang ditetapkan oleh Universiti. Pihak ICAN telah meneliti maklumat maklumbalas bagi memastikan sama ada ia maklumbalas atau cadangan atau penambahbaikan. Pihak fakulti juga menyemak semula daftar risiko yang berkaitan jaringan industri dan keusahawan.

Hasil analisa kepada tumpuan operasi yang telah dilaksanakan, beberapa kaedah dan proses telah ditambahbaik untuk aktiviti jaringan industri dan keusahawanan.

Jaringan Industri

Antara yang dilakukan ialah mengubah pelaksanaan program menandatangani MoU dan MoA secara dalam talian. Perbincangan awal juga dijalankan secara dalam talian secara berperingkat dan Majlis juga dilaksanakan secara virtual dan menggantikan kebiasaan yang dilakukan secara fizikal. Kaedah ini tidak menghalang pihak fakulti untuk mencapai objektif yang telah ditetapkan.

Keusahawan

Menjalankan program keusahawanan secara virtual.
Memberikan latihan kepada pelajar dan pensyarah.

SENARAI BUKTI :

1. [Virtual MoA yang di jalankan FSR bersama International College of Management.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.1 HASIL UTAMA 1

TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA

7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Penglibatan staf akademik dan pentadbiran FSR dalam Jaringan Industri dan Keusahawanan (JI & K) adalah penting bagi memastikan visibiliti FSR di peringkat nasional dan antarabangsa. Pengurusan tinggi FSR sering menitikberatkan dan menggalakkan penglibatan staf sebagai pakar rujuk bagi industri luar khususnya untuk meningkatkan pembangunan diri dan mencapai PI fakulti. Staf yang menjadi pakar rujuk di dalam sesuatu bidang telah membuka peluang FSR untuk berkolaborasi dan menjalinkan kerjasama dengan industri luar. Ini telah dibuktikan dengan pelbagai MOU dan MOA telah dipateri sepanjang tahun 2019 hingga 2021. Secara amnya, kerjasama FSR bersama industri akan menaikkan nama UiTM, memberi manfaat kepada pelajar, staf dan komuniti. Aktiviti kolaborasi ini juga dapat memberi nilai tambah kepada pelajar dan semua staf FSR. Ini termasuk program keusahawanan yang dijalankan di FSR turut memberi nilai tambah yang lain di mana pelajar bukan hanya cemerlang dalam akademik malah bijak mengendalikan perniagaan. Selain itu, kerjasama strategik di antara FSR dan industri mampu menyumbang kepada program atau aktiviti inovasi, di mana secara tidak langsung dapat memastikan kestabilan pembangunan produk dan perkhidmatan yang akhirnya memanfaatkan komuniti setempat dan juga negara secara keseluruhannya.

7.1.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [TAHAP_PELANGGAN_FSR_1.pdf](#)

7.1.3 TREN (Trend)

BUKTI : [TREN_FSR \(1\).pdf](#)

7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [PERBANDINGAN_FSR \(1\).pdf](#)

7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [KEPENTINGAN_FSR \(1\).pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.2 HASIL UTAMA 2

TUMPUAN KEPADA PELANGGAN

7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Definisi Pelanggan

Pelanggan adalah merupakan seseorang individu atau kumpulan yang berhasrat untuk memiliki sesuatu barangan atau menggunakan sesuatu perkhidmatan. Dalam konteks sektor pendidikan, pelanggan yang dimaksudkan adalah terdiri daripada pelajar, ibubapa, kakitangan, alumni, bakal majikan dan organisasi luar yang menggunakan kemudahan dan perkhidmatan di Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi (FSR). Justeru itu, pelbagai pelan tindakan telah dilakukan oleh pihak pengurusan FSR bagi memastikan keperluan semua kategori pelanggan dapat dipenuhi secara optima.

Berasaskan Rancangan Malaysia (RMK) Ke-11, pembangunan modal insan melalui **Jaringan Industri dan Keusahawanan** telah dikenalpasti bagi menyokong peralihan sektor ekonomi kepada aktiviti yang berbentuk pengetahuan dan berpaksikan inovasi bagi melahirkan graduan holistik berciri keusahawanan dan seimbang dari pelbagai aspek. Dalam usaha merealisasikan aspirasi ini, FSR telah bertindak proaktif didalam mengenalpasti kumpulan sasaran yang terdiri daripada pelbagai sektor seperti Kementerian, Agensi Kerajaan, Persatuan/Kelab Sukan, Syarikat Swasta, Institusi Pendidikan, Pertubuhan Kerajaan dan pelajar. Justeru, FSR telah mentransformasikan sistem penyampaian agar lebih bersifat fleksibel dan *entrepreneurial*, serta menepati kehendak tempatan namun bersifat global untuk mewujudkan sistem pendidikan tinggi yang mampu melahirkan modal insan yang holistik, seimbang dan mempunyai minda keusahawanan yang berupaya bertindak sebagai penjana pekerjaan (*job creator*) seperti yang dihasratkan di bawah **Lonjakan 1, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) atau PPPM(PT)**.

7.2.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [TAHAP FSR \(2\).pdf](#)

7.2.3 TREN (Trend)

BUKTI : [TREN FSR \(2\).pdf](#)

7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [PERBANDINGAN FSR \(2\).pdf](#)

7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [KEPENTINGAN FSR \(2\).pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.3 HASIL UTAMA 3

PERANCANGAN STRATEGIK

7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Di dalam persekitaran yang kompetitif, sangat sukar bagi FSR untuk bertahan dan berkembang dalam jangka panjang jika FSR tidak mempunyai perancangan strategik. Perancangan strategik adalah satu aktiviti, yang menentukan objektif dan mempertimbangkan persekitaran dalaman dan luaran untuk merancang, melaksanakan, menganalisis dan menyesuaikan strategi, untuk mendapatkan kelebihan daya saing.

Perancangan strategik FSR (2016 - 2020), pihak pengurusan tertinggi FSR komited untuk membangunkan modal insan yang profesional, dinamik, berdaya saing, berketerampilan, beretika serta mampu mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang Sains Sukan dan Pengurusan Sukan melalui objektif dan inisiatif perancangan strategik dalam **Jaringan Industri dan Keusahawanan**. Kesan daripada perancangan itu, FSR telah berjaya menjalinkan pelbagai usahasama bersama pihak industri, di mana peningkatan perjanjian persepahaman antara FSR dan pihak industri tahun demi tahun. Usaha memupuk nilai keusahawanan juga berjaya memberi impak positif di kalangan pelajar dan juga alumni FSR.

7.3.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [PENCAPAIAN.pdf](#)

7.3.3 TREN (Trend)

BUKTI : [TREN FSR.pdf](#)

7.3.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [PERBANDINGAN FSR.pdf](#)

7.3.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [KEPENTINGAN FSR.pdf](#)